

# *Kelelahan Dan Sumbangan*

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU  
SERI MAHARAJA DATO SERI  
UTAMA (DR) AWANG HAJI  
ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ**

*Dalam Bidang Ilmu dan  
Pendidikan Agama*

*Edisi Kedua*

Disunting oleh  
**Norarfan Zainal  
Mahayudin Yahaya**

UNISSA Press  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam  
1438H / 2017M

**Penerbit:**

UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: +673 2462000  
Laman Web: [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn)

© Norarfan Zainal & Mahayudin Yahaya

Cetakan Pertama 2016

Cetakan Pertama Edisi Kedua 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada dan Penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

ISBN 978-99917-82-51-5 (Kulit Lembut)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

KETOKOHAN dan sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz : dalam bidang ilmu dan pendidikan agama / disunting oleh Norarfan Zainal dan Mahayudin Yahaya. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2017.

186p. 15.2cm x 22.86cm.

ISBN 978-99917-82-51-5 (Kulit Lembut)

1. Ulama--Brunei Darussalam--Biography 2. Islam--Brunei Darussalam  
I. Norarfan Zainal II. Mahayudin Yahaya

297.092 KET (DDC 23)

**Dicetak Oleh:**

Syarikat Percetakan Borneo  
Negara Brunei Darussalam

# KANDUNGAN

---

Jadual Transliterasi	ix
Kata Pengantar	xi
Prakata	xiii
Senarai Penyumbang	xvii

## BAB 1

<b>PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUHNYA KE ATAS SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI BRUNEI</b>	<b>1</b>
<i>Mahayudin Yahaya</i>	

## BAB 2

<b>RIWAYAT HIDUP PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO SERI UTAMA (DR) AWANG HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ</b>	<b>35</b>
<i>Radziah Abdullah</i>	

## BAB 3

<b>KETOKOHAN DALAM PENDIDIKAN</b>	<b>73</b>
<i>Muhd Sahrin Masri</i>	

## BAB 4

<b>KEWIBAWAAN SEBAGAI PENERAJU KOLEJ ISLAM MALAYA</b>	<b>99</b>
<i>Ali Muhammad &amp; Abdol Rauh Yaacob</i>	

**KETOKOHAN DAN SUMBANGAN DALAM  
PEMBANGUNAN PENDIDIKAN AGAMA  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*Norarfan Zainal*

## JADUAL TRANSLITERASI

Arab	Latin	Arab	Latin
ا	'a	ض	d
ب	B	ط	ṭ
ت	T	ظ	ẓ
ث	Th	ع	'a
ج	J	غ	Gh
ح	ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	ṣ	ي	Y
<b>Vokal Panjang</b>		<b>Vokal Pendek</b>	
آ	Ā/ā	—	A
و	Ū/ū	—	I
ي	Ī/ī	—	U

# Amanat

SEDIAKAN PENCARIAN YANG HALAL BAGI ANAK-ANAK PEREMPUAN DAN ANAK-ANAK LELAKI



Hendaklah orang yang berakal dan bertikir daripada umat Islam merancang cara-cara menyelamatkan anak-anak perempuan dan anak-anak laki-laki dari gejala yang menular dalam kehidupan umat Islam sekarang, dengan menhentikan rumah-rumah atau tempat-tempat belajar dan mencari kepandaian bagi menampung sara hidup anak-anak itu dan sumber-sumber yang halal, seperti menjahit, menyulam, memasak, membuat kuih, berniaga, bertukang, membaiki radio, memasang wayar elektrik, membaiki motosikal, motokar dan lain-lain sumber yang biasa dan mudah anak-anak perempuan dan anak laki-laki mendapat sara hidup bagi diri mereka dengan tiada berhajat sangat kepada orang lain dari gedung, kedai, pejabat dan lain-lain. Begitu juga kepandalan menanam buah-buahan di keliling rumah, berternak, memproses minuman dari buah-buahan dan membetulkan enjin, serta galakkan mereka berdiri di atas kaki sendiri dengan kepandalan dan kemahiran yang telah diajarkan kepada mereka dari ayat-ayat Quran, hadis-hadis dan cerita-cerita umat Islam yang dahulu di dalam berdikari dan berusaha mencari sara hidup yang halal dan bersih dari syubhat, lucah dan kotor itu, dengan tiada bergantung dan berharap sangat kepada orang lain, yang mana akan menyebabkan anak-anak perempuan dan lelaki itu digunakan oleh orang lain bagi tujuan jahat, tamak haloba dan nafsu jahat mereka sebagaimana yang berlaku sekarang.

Sekolah-sekolah sekular hanya berminat makan gaji dan menjadi kuli. Dari itu sila cikgu-cikgu, pendidik-pendidik dan pendakwah-pendakwah renungkan perkara ini.

Kepada Allah Taala kita mengadu hal ini (wa lillahilimusytaka).  
Wallahu A'lam.

**DATU SERI MAHARAJA DATU SERI UTAMA**  
**HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ,**  
Raja Ketajuan Brunei Darussalam.

**Nota:** Beliau adalah salah seorang bekas pelajar dan guru Madrasah Al-Attes yang kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar

Tulisan ini dipetik dari kitab: Fatwa Mufti Kerajaan Brunei,  
Bilangan berturut 74, 15- (91/34)

# Kata Pengantar

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل: "إنما يخشى الله من عباده العلماء"، وأصلي وأسلم  
على سيدنا محمد بن عبد الله وعلى آله وأصحابه والتابعين وتابع التابعين  
إلى يوم الدين، وبعد:

*Alhamdulillah* syukur kita panjat dan rafa'kan ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'āla* dengan izin, *irādah* dan *'inayah* Nya jua projek penyelidikan mengenai seorang tokoh ilmuan agama tempatan telah berjaya dihasilkan yang diberi judul "Ketokohan Dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Dalam Bidang Ilmu Dan Pendidikan Agama". Kajian ini dilakukan oleh sekumpulan staf akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berpengalaman di dalam bidang masing-masing, khususnya dalam bidang sejarah dan tamadun Islam di bawah pimpinan Dr Mahayudin Hj Yahaya, Profesor (Tamadun Islam), Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA. Sesungguhnya penyelidikan dan penerbitan seumpama ini adalah sangat tinggi nilainya dan akan menjadi kenangan abadi buat selama-lamanya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penyelidik yang telah berusaha dan bertungkus lumus bagi menjayakan projek ini. Mereka itu terdiri daripada staff akademik dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, UNISSA, iaitu Prof Dr Mahayudin Hj Yahaya, Prof Madya

Dr Ali bin Muhammad, Dr Abdol Rauh bin Yaacob, Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri, dan Ustazah Hajah Radziah binti Haji Abdullah.

Mudah-mudahan dengan terbitnya buku ini akan membuka ruang dan peluang yang lebih luas kepada warga UNISSA dalam bidang penyelidikan dan penerbitan buku yang berbentuk ilmiah. Diharapkan juga buku ini akan menjadi rujukan utama dalam bidang sejarah pendidikan agama di rantau ini, khususnya di Brunei Darussalam dan Malaysia, dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat, khususnya daripada kalangan para pendidik, penyelidik dan pencinta ilmu dan ketokohan dalam Islam.

Akhir kata, saya sekali lagi merafa'kan syukur ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* di atas limpah kurniaNya jua sehingga penulisan buku ini terlaksana. Semoga dengan usaha yang berkebajikan dan amalan yang berkekalan ini akan mendapat berkat dan rahmat daripadaNya di dunia dan di akhirat, *Āmīn Yā Rabbal 'Ālamīn*.

**Norarfan Zainal (Ph.D)**  
Rektor  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam



## Prakata

---

### بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل: "إنما يخشى الله من عباده العلماء"، وأصلي وأسلم على سيدنا محمد بن عبد الله وعلى آله وأصحابه والتابعين وتابع التابعين إلى يوم الدين، وبعد:

Bersyukur ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kerana dengan rahmat, *taufiq*, dan *inayah* Nya jua perancangan bagi menghasilkan sebuah monograf biografi seorang tokoh agama dan ilmuan Melayu-Islam dari dua buah negara serumpun, Malaysia dan Brunei, telah terlaksana dengan jayanya. Monograf ini adalah hasil kajian mendalam tentang tokoh berkenaan yang dikendalikan oleh sekumpulan para penyelidik dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dilaksanakan dalam tempoh Sesi Pengajian 2014/2015 (Mei-Jun 2015). Pada umumnya, para penyelidik yang terlibat dalam menjayakan projek ini adalah terdiri daripada para akademik yang berkeahlian dalam bidang masing-masing, khususnya dalam bidang sejarah dan tamadun Islam. Kesudian dan penglibatan para penyumbang dengan memberikan input yang banyak lagi berharga bagi menjayakan projek ini menunjukkan bahawa pihak tenaga akademik UNISSA telah memberikan perhatian istimewa kepada golongan ulama yang memainkan peranan besar kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan Islam di negara ini.

Masyarakat umum mungkin sudah mengetahui dan mengenali kewujudan beberapa orang tokoh ulama

Melayu-Brunei yang muncul di negara ini, namun ketokohan dan sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz masih tidak diketahui secara mendalam.

Oleh itu, kelahiran buku ini dirasakan sesuai dan bertepatan dengan aspirasi negara ke arah membangunkan Negara Zikir bagi tujuan melaksanakan Akta Pendidikan Ugama Wajib dan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah yang secara langsung dan tidak langsung melibatkan peranan dan sumbangan Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin di negara ini.

Dalam kajian ini, fokus utamanya ialah sumbangan Yang Dimuliakan Pehin dalam bidang pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam. Ia mengandungi lima bab kesemuanya: bermula dengan ilmu dan pendidikan Islam berteraskan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, diikuti riwayat hidup Yang Dimuliakan Pehin, latar belakang pendidikan Yang Dimuliakan Pehin, penglibatan Yang Dimuliakan Pehin dalam perancangan penubuhan dan urus tadbir Kolej Islam Malaya, Kelang dan sumbangan Yang Dimuliakan Pehin dalam bidang Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, para penyunting dan penyumbang merafakkan syukur kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* di atas rahmat dan limpah kurniaNya yang tidak terhingga, dan berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya pucuk pimpinan universiti yang telah menyediakan segala kemudahan yang diperlukan bagi melaksana dan menjayakan projek ini. Semoga segala usaha dan bantuan yang diberikan itu akan menjadi amal soleh dan mendapat ganjaran daripada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā. Āmīn Yā Rabbal 'Ālamīn.*

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor, Pejabat Agama Islam Johor, Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Johor dan Pengelola Madrasah Al-Attas, Johor, serta Muzium Johor, Johor Baharu yang telah banyak memberikan maklumat dan bahan-bahan kajian yang diperlukan. Tidak lupa juga kepada pihak penerbit UNISSA dan para penilai serta penyunting buku ini sebelum ia dapat diterbitkan dalam bentuk yang ada sekarang.

**Norarfan Zainal (Ph.D)**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Mahayudin Yahaya (Ph.D)**

Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam (UNISSA)

## SENARAI PENYUMBANG

### **NORARFAN ZAINAL**

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bermula 26 Jun 2014 hingga sekarang. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Ugama di Bahagian Kawalan Aqidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (06 Januari 1997), Tutor (1 April 2000) dan Pensyarah (1 Januari 2007) di Jabatan Usuluddin, Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Penolong Ra'es (25 Januari 2011) dan Timbalan Raes (14 April 2014) di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Hal Ehwal Ugama. Memperolehi kelulusan Ijazah Sarjana Muda Hadits (Kepujian) dari Universiti al-Azhar, Republik Mesir pada tahun 1996; Ijazah Sarjana Aqidah dari Universiti Al-Bayt, Jordan pada tahun 2002 dan Ijazah Doktor Falsafah (Usuluddin dan Perbandingan Ugama) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2010.  
norarfan.zainal@unissa.edu.bn

### **MAHAYUDIN YAHAYA**

Mantan Profesor dan mantan Ketua Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi (1995-1999). Pernah dilantik sebagai Profesor Pelawat di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), UKM dan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM (2009). Kini bertugas sebagai Profesor (Tamadun Islam) dan Ketua Program Pengajian Lepas Ijazah di Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Arab dan Islam dari Fakulti Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah, Mesir (1968),

Dip. Pendidikan dari Universiti Ain Shams, Mesir (1969), Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang Pengajian Arab dan Islam dari Universiti Exeter, England, United Kingdom (1978).

mahayuddin.yahaia@unissa.edu.bn

### **ALI MUHAMMAD**

Mantan Profesor Madya dan Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Kini bertugas sebagai Profesor Madya di Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir (1976), Diploma Pendidikan dari Universiti 'Ain Shams, Kaherah, Mesir (1978), Ijazah Sarjana dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir (1985), Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Pengaruh Sunnah dalam Penghayatan Tamadun Islam dari Universiti Mohammad ke-V, Rabat, Morocco (1995).

ali.mohamad@unissa.edu.bn

### **ABDOL RAUH YAACOB**

Pensyarah kanan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan kemudiannya berkhidmat di Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai Pensyarah Kanan hingga kini. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam dan Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1978. Meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dengan memperolehi M.Litt dari University of St. Andrews dalam bidang Sejarah Islam pada tahun 1982. Pada tahun 1996 memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang

Sejarah Islam Moden dari School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London.

abdolrauh.yaacob@unissa.edu.bn

**MUHAMMAD SAHRIN MASRI**

Pensyarah, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Kepujian), bidang Bahasa Arab dan Tamadun Islam dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Ijazah Sarjana Sastera, bidang Sejarah dan Tamadun Islam dari Universiti Yarmouk, Irbid. Kerajaan Hasyimiyah Jordan.

sahrin.masri@unissa.edu.bn

**RADZIAH ABDULLAH**

Tutor, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Kepujian), bidang Bahasa Arab dan Tamadun Islam dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

radziah.abdullah@unissa.edu.bn



*Bergambar ramai dengan Yang Amat Mulia Pengiran Dato Muda Kamaludin Al-Hajj ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Muhammad Yassin dan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr) Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin di hadapan Masjid Omar Ali Saifuddien.*

---

## PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUHNYA KE ATAS SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI BRUNEI

---

**Mahayudin Yahaya**

mahayuddin.yahaia@unissa.edu.bn

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan proses pembelajaran yang terbaik bagi menghasilkan ilmu pengetahuan bagi membentuk kehidupan yang berkualiti. Kesemua ilmu pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang dipelajari akan memberi faedah kepada masyarakat kerana dengan itu, ia dapat meningkatkan pemikiran dan menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Pendidikan juga merupakan proses abadi yang melibatkan penyesuaian yang terbaik untuk perkembangan mental dan fizikal serta kesedaran terhadap kejadian manusia dan alam ciptaan Allah *Subhānahu wa Ta'āla*. Pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana keadaan sosio-ekonomi banyak bergantung pada pendidikan yang diterima. Pendidikan yang berkualiti sangat efektif bagi membenters gejala sosial serta membentuk masyarakat yang berilmu, berakhlak mulia, sejahtera dan aman makmur. Melalui pendidikan, seseorang



itu berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan cabaran dan dugaan serta menikmati kemudahan yang tersedia di hadapan dan persekitarannya. Bab ini akan membincangkan konsep ilmu, kategori ilmu serta hubungannya dengan sistem pendidikan Islam. Ia turut membincangkan konsep, falsafah, dan objektif pendidikan Islam menurut pandangan beberapa tokoh pemikir Islam zaman silam. Metod kajian ini lebih bersifat sosiologi-sejarah (*historical sociology*) bagi mengesan sejarah pendidikan Islam dan pengaruhnya di Negara Brunei Darussalam. Dalam kesimpulannya, penulis akan merumuskan beberapa ciri utama kecemerlangan pendidikan Islam beterasan ajaran al-Qur'ān dan al-Sunnah yang pernah disuarakan oleh Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, mantan Mufti Negara Brunei Darussalam.

**Kata kunci:** Islam, ilmu, pendidikan, ulama, Brunei.

## Pengenalan

Di akhir-akhir ini terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh para penyelidik bagi meninjau kembali sistem pendidikan Islam. Beberapa pihak berpendapat bahawa kesucian pendidikan Islam telah dinodai berikutan ketibaan kuasa-kuasa asing di rantau ini. Justeru, sistem pendidikan Islam yang berkembang pada hari ini perlu diubahsuai sejajar dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Pengubahsuaian ini bukan sahaja melibatkan ilmu-ilmu akademi (*ulūm 'aqliyyah*) yang bersumberkan akal, tetapi juga ilmu-ilmu agama (*ulūm dīniyyah*) yang bersumberkan wahyu supaya tidak berlaku dikotomi (pemisahan) secara mutlak antara kedua-dua bidang ilmu berkenaan di dalam sistem pendidikan Islam.

Bagi melahirkan sistem pendidikan Islam yang bersepadu, kreatif, inovatif, dan produktif memerlukan tinjauan semula terhadap pengertian, konsep, kurikulum, falsafah, dan objektif pendidikan Islam menurut al-Qur'an dan al-Sunnah.

Bab ini berfokus pada falsafah pendidikan Islam bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang cuba diterapkan oleh beberapa orang tokoh ulama di rantau ini, termasuk Mantan Mufti Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, mantan Mufti Negara Brunei Darussalam.

Sebagai seorang pendidik, beliau telah banyak mencurahkan idea dan pemikiran-pemikiran bernas dalam bidang pendidikan. Oleh itu, bidang pendidikan menjadi fokus utama dalam bab ini. Mengenai riwayat hidup, sumbangan dan ketokohan Allahyarham Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin

Omar Abdul Aziz, mantan Mufti Negara Brunei Darussalam dalam bidang pentadbiran akan dihuraikan dalam bab-bab berikutnya.

## PENDIDIKAN ISLAM

Pelbagai istilah telah digunakan dalam pengertian dan interpretasi tentang pendidikan Islam; antaranya ialah *ta'lim*, *tarbiyah*, *ta'dib*, dan *irshād*. *Ta'lim* bermaksud proses pengajaran atau pemindahan ilmu kepada manusia untuk merealisasikan fungsi, tugas, dan statusnya sebagai "makhluk berakal". Fungsi akal ialah meningkatkan kecergasan manusia dan kemampuan berfikir. Dengan kemampuan tersebut manusia akan dapat meningkatkan pengetahuannya dengan cara memperoleh lebih banyak ilmu pengetahuan menerusi pembelajaran. Ilmu pengetahuan sangat diperlukan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Oleh itu, pembelajaran (*ta'lim*) merupakan prasyarat bagi membantu individu dan masyarakat menuju kemajuan dan kecemerlangan. *Tarbiyah* merupakan suatu proses pembentukan keperibadian manusia dari satu tahap ke satu tahap sehingga mencapai matlamat terakhir iaitu insan yang bertakwa. *Ta'dib* ialah proses mendidik manusia agar mampu memperkembangkan segala potensi ke arah pembentukan tatasusila perlakuan atau adab<sup>1</sup>. *Irsyad* pula memberi maksud petunjuk yang benar ke arah jalan yang benar bagi kehidupan manusia di dunia dan di akhirat.

Daripada pelbagai istilah yang digunapakai mengenai pendidikan itu tadi, maka dapatlah dirumuskan bahawa pendidikan yang berkualiti dan yang sebenar menurut pandangan Islam tidak hanya dicapai melalui

---

<sup>1</sup>Yang dimaksudkan dengan "*ta'dib*" atau adab di sini ialah pendidikan yang berasaskan agama dan akhlak.

*ta`lim* dalam konteks pencapaian akademik berasaskan kemahiran, pemikiran, intelektual, dan potensi diri bagi memenuhi keperluan hidup di dunia semata-mata tetapi seharusnya disertai dengan *tarbiyah*, *ta`dīb* dan *irshād* yang berpaksikan hukum agama dan akhlak.

Begitulah kompresensifnya pengertian pendidikan dalam Islam yang perlu dihayati dan seterusnya diaplikasikan dalam rangka membina generasi yang berilmu dan bertakwa menerusi kurikulum yang bersepadu dan berintegritas.

Pendidikan Islam bersifat holistik yang berterusan dalam kehidupan manusia sejak ia dilahirkan hinggalah ke akhir hayat atau disebut “pendidikan sepanjang hayat”, sepertimana pepatah Arab: “Pencarian ilmu bermula dari buaian hingga ke liang lahad”.

Menurut Ibn Khaldun, pendidikan berlaku secara berperingkat sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan kemampuan akal, bermula dari peringkat rendah bagi memahami asas-asas ilmu, diikuti peringkat menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Pada ketika itu manusia mampu menguasai bidang ilmu yang diceburinya.

## **Kurikulum Pendidikan Islam**

Kurikulum pendidikan Islam adalah berasaskan keseimbangan antara pembangunan rohani, *‘aqli* dan jasmani. Hal ini penting bagi menyesuaikan dengan fitrah kejadian manusia dan berpotensi untuk dikembangkan bagi melayakkan manusia menjadi “khalifah Allah di muka bumi”. Pembangunan dan perkembangan seluruh potensi fitrah akan mewujudkan keseimbangan dalam diri manusia. Dengan sebab itu kurikulum pendidikan Islam berbeza daripada kurikulum pendidikan sekular yang memberi

tumpuan kepada pembangunan akal dan jasad semata-mata. Malah kurikulum pendidikan sekular lebih menekankan aspek jasmani dan akli mengenai sifat manusia yang diambil sebagai unit keseluruhannya. Ini mungkin terjadi hanya aspek sosial atau fizikal, psikologikal atau biologikal. Justeru, kurikulum sekular membentuk teori pendidikan yang tidak seimbang antara aspek rohani, akli dan jasmani yang secara tidak langsung berlaku pemisahan (*partition*) antara ketiga-tiga aspek berkenaan dan sekali gus bertentangan dengan fitrah kejadian manusia. Hal inilah yang menyebabkan berlakunya krisis nilai dalam sistem pendidikan sekular.

### **Falsafah Pendidikan Islam**

Falsafah bermaksud “pengetahuan tentang pengertian-pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi atau sebagai dasar ilmu-ilmu lain”<sup>2</sup>. Ia berusaha melaksanakan teori dan kaedah falsafah dalam bidang ilmu pengetahuan dan pengalaman manusia yang disebut sebagai “pendidikan”. Maka falsafah pendidikan berfungsi menilai proses pendidikan, menyelaras dan menganalisis permasalahan dan isi kandungannya. Ia mengandungi perbincangan pelbagai fahaman yang berbeza mengenai proses pendidikan, serta mengandungi penjelasan makna istilah-istilah yang digunakan dalam bidang pendidikan dan menentukan perkara-perkara pokok yang ada hubungan dengan bidang-bidang lain dalam kehidupan manusia.

Falsafah pendidikan berfungsi bagi melahirkan identiti tersendiri. Jika dikaitkan dengan pendidikan Islam, maka ia tidak terlepas daripada pengertian istilah-istilah pendidikan dalam Islam yang dinyatakan di atas bagi

---

<sup>2</sup> T. Iskandar. (1970). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms. 274.

melahirkan identiti keislaman berasaskan nilai-nilai Islam dalam membangunkan masyarakat yang berakhlak dan bertaqwa.

## Objektif Pendidikan Islam

Terdapat pelbagai objektif dan tujuan pendidikan Islam yang dikemukakan oleh pemikir-pemikir Islam zaman silam seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun. Objektif pendidikan Islam menurut Imam al-Ghazali adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhānahu wa Ta'āla* dan bukan untuk mencari kedudukan atau pangkat dan harta kekayaan. Dengan kata lain, aspek pendidikan merupakan sebahagian daripada ibadat. Selaras dengan firman Allah *Subhānahu wa Ta'āla*:

﴿ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴾

Yang bermaksud, “*Tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan agar beribadah kepadaKu*”.<sup>3</sup>

Objektif pendidikan Islam menurut Ibn Khaldun ialah “menanamkan keyakinan dan keimanan di dalam hati dan jiwa pelajar atau yang dididik, mengglobalisasikan nilai-nilai moral yang luhur melalui nilai-nilai agama sehingga mampu memberi pencerahan jiwa, penguatan moral dan memotivasi perilaku yang baik”. Beliau juga mengatakan bahawa secara amalnya, objektif pendidikan Islam, memberi peluang kepada pelajar supaya mampu berfikir untuk melakukan perkara yang benar, untuk hidup berkualiti dalam masyarakat yang maju dan makmur, untuk mendapatkan pekerjaan sebagai sumber kehidupan serta dapat mengembangkan perilaku yang terpuji dalam

<sup>3</sup> *Al-Qur`ān*, Surah al-Dhariyyāt. (51):56.

kehidupan seharian. Semuanya ini harus dikembangkan melalui pendidikan yang berasaskan ajaran-ajaran yang terdapat di dalam al-Qur'ān.<sup>4</sup>

Walaupun kelihatan berbeza antara pandangan Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun mengenai objektif pendidikan, tetapi pada hakikatnya, kedua-duanya tidak bercanggah antara satu dengan yang lain, malah kedua-dua pandangan itu saling lengkap-melengkapi, dan kedua-duanya berlandaskan ajaran al-Qur'ān dan al-Sunnah. Perbezaannya hanyalah dari segi penekanan mengikut bidang masing-masing.

Objektif pendidikan Imam al-Ghazali yang dikemukakan itu merupakan aplikasi dan respon beliau terhadap permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat Islam pada zamannya. Di antara permasalahan yang dihadapi masyarakat pada ketika itu ialah dari segi pembangunan berbentuk fizikal dan mental yang menguasai kehidupan masyarakat Islam sehingga aspek kerohanian dan akidah hampir diabaikan. Dengan sebab itu beliau lebih menjurus kepada aspek kerohanian sesuai dengan bidang keahliannya sebagai tokoh sufi yang terkenal pada abad ke-12M.

Ibn Khaldun seorang tokoh sejarawan dan ahli sosiologi Islam terkenal pada abad ke-14M pula lebih menekankan kepada aspek sejarah dan sosiologi atau kehidupan manusia itu sendiri yang hidup bermasyarakat yang diistilahkan sebagai “makhluk sosial secara semulajadi” (*al-insan madaniyyun bi al-tab'i*) dan dibentuk melalui sejarah. Oleh itu, manusia harus dididik dalam rangka sosialnya bagi melaksanakan fungsi sosialnya

---

<sup>4</sup>Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, ms. 344-345.

secara berkesan kerana pendidikan merupakan alat untuk membantu seseorang agar dapat hidup bermasyarakat secara baik menurut kaca mata Islam dan peredaran zaman. Objektif dan tujuan pendidikan Islam yang dikemukakan oleh dua orang tokoh pendidik Islam terkenal itu dapat dirumuskan dalam tiga peringkat: tujuan am, tujuan khas, dan tujuan akhir.

**Tujuan am**, ialah pertama, untuk mendapatkan keredaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dengan melakukan *amar al-ma'ruf wa nahyi 'an al-munkar*, serta mengabdikan diri kepadaNya. Tujuan ini dianggap induk daripada semua tujuan pendidikan Islam. Kedua, membentuk akhlak yang mulia. Pendidikan akhlak adalah inti pendidikan Islam. Ketiga, memperkenalkan hubungan sosial dan tanggungjawab manusia terhadap masyarakat. Keempat, meningkatkan mutu ilmiah serta memperlengkapkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu supaya dapat menguasai kerjaya hidup. Kelima, mempersiapkan bekalan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat.

**Tujuan khas**, ialah untuk melakukan perubahan-perubahan yang diinginkan melalui proses pendidikan, seperti gabungan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, pola-pola tingkahlaku, sikap, nilai-nilai, dan kebiasaan yang terkandung dalam tujuan akhir dan tujuan am. Perlaksanaannya boleh dilakukan dalam bilik darjah atau dalam konteks pembelajaran.

**Tujuan akhir** pendidikan Islam ialah pewujudan diri (sempurna kendidi). Maksudnya ialah berusaha meningkatkan jiwa atau roh supaya sampai ke alam malakut agar ia dapat berhubung dengan Penciptanya iaitu Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Tujuan pewujudan diri ialah untuk perkembangan menyeluruh personaliti manusia



dalam aspek rohaniah, psikologi, intelektual, dan jasmani. Perlaksanaannya tidak terbatas kepada institusi-institusi pendidikan, tetapi boleh dilaksanakan di semua institusi sosial, media cetak dan elektronik seperti akhbar, radio, perpustakaan dan sebagainya. Ini akan mencerminkan erti pendidikan Islam sebenar untuk mengimbangi kehidupan di dunia dan di akhirat.

## **Sistem Pendidikan Islam**

Pendidikan yang berkualiti adalah berasaskan pengurusan yang cemerlang dan bersistem. Kerajaan ‘Abbasiyyah telah membuktikan tentang kewujudan sistem pendidikan Islam yang bersistem dan tersusun, khususnya pada zaman pemerintahan Nizam al-Mulk, Menteri Kerajaan Seljuq (1018-1092). Pada zaman tersebut (459H./1067M) telah lahir sebuah sekolah di kota Baghdad yang dinamakan “*al-Madrasah al-Nizāmiyyah*”, dan kemudiannya dinaiktaraf sebagai sebuah universiti. Ia merupakan institusi pengajian tinggi Islam pertama di dunia yang bertaraf antarabangsa. Di antara tenaga pengajarnya ialah Imam al-Ghazali *rahimahullāh* (m. 1111M.).

Nizam al-Mulk (1018-1092M), Menteri Kerajaan Seljuq pada zaman Alp Arslan dan Malikshah yang memerintah selama 30 tahun merupakan penganut aliran Ahli Sunnah Waljama‘ah dan telah menyebarkan ajaran Ahli Sunnah Waljama‘ah bersama-sama tenaga pengajarnya, termasuk Imam al-Ghazali dan Abu Ishaq al-Shirazi. Kedua-dua tokoh ulāma ini menjadi rujukan utama mengenai sistem pendidikan Islam menurut ajaran Ahli Sunnah Waljama‘ah di rantau Asia Tenggara.

## PENDIDIKAN ISLAM DI ALAM MELAYU

Dalam konteks ini kita akan melihat terlebih dahulu sejarah perkembangan pendidikan Islam di rantau Alam Melayu sebelum membincangkan tajuk buku berjudul “Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan Agama” kerana dari sejarahnya lahirnya tokoh berkenaan dan sumbangannya terhadap perkembangan dan pembangunan ummah dalam bidang ilmu dan pendidikan Islam, sama ada di Tanah Melayu (Malaysia) atau di Negara Brunei Darussalam.

Sejarah diibaratkan seperti “cermin kereta” bagi pemandu di jalan raya bagi menuju ke destinasi dengan selamat. Begitu jugalah halnya dengan seorang tokoh yang hendak dibincangkan memerlukan kepada sejarah masa lampau yang dilaluinya, sama ada menerusi pengalaman peribadi atau melalui ilmu dan pendidikan yang diterima yang melibatkan kawasan atau rantau di mana ia diajar dan dididik.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu merupakan titik peralihan bagi sejarah rantau ini. Ia bukan sahaja mengubah kepercayaan orang Melayu dari menyembah cakerawala dan patung kepada menyembah Allah Yang Maha Esa, tetapi juga mengubah pemikiran dan pandangan hidup mereka serta menerima budaya ilmu yang dibawa Islam ke rantau ini, iaitu budaya menulis dan membaca. Budaya menulis dan membaca merupakan asas dalam sistem pendidikan, dan memang sudah menjadi minat dan kegemaran para ulama sejak dahulu hingga ke hari ini. Kegemaran dan minat ini timbul hasil dari ajaran agama Islam itu sendiri supaya ilmu yang ditulis dapat dibaca dan

seterusnya disebarikan dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Ayat al-Qur`ān yang pertama diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* didahului perkataan *Iqra`* (bacalah). Dalam konteks ini Allah berfirman:

﴿ اِقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اِقْرَأْ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ﴾

### Mafhumnya:

*“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah, Yang mengajar (manusia menerusi qalam, Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.”<sup>5</sup>*

Ayat di atas menjelaskan bahawa budaya membaca adalah asas dalam pendidikan Islam. Dengan sebab itu dari awal-awal lagi al-Qur`ān menitikberatkan aspek pembacaan dan penulisan. Perkataan “*iqra`*” di dalam ayat ini membawa maksud “membaca”, “belajar”, dan mengkaji”, dan kesemuanya merujuk kepada bidang pendidikan. Ciri kedua penting ialah konsep pengabdian diri kepada Allah *Subhānahu wa Ta`āla* dan penulisan, atau dalam bentuk yang lebih umum, pendidikan, mestilah dilakukan untuk mendapatkan keredaan Allah *Subhānahu wa Ta`āla*. Ciri ketiga penting ialah faktor bahasa. Al-Qur`ān diturunkan dalam bahasa Arab dan mengandungi unsur *i`jaz* (sifat-sifat keunggulan bahasa Arab yang tidak dapat ditandingi oleh bahasa-bahasa lain di dunia). Oleh

<sup>5</sup> *al-Qur`an*, Surah al-`Alaq (96): 1-5.

sebab ini ia menjadi bahasa ilmu. Para ilmuan Islam silam termasuk orang Parsi, Turki, India, dan Melayu telah mempelajari dan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu, khususnya ilmu-ilmu agama.

Ketiga-tiga ciri yang disebutkan di atas adalah asas kepada perkembangan ilmu dan pendidikan Islam di Nusantara. Berbekalkan semangat yang terdapat dalam ketiga-tiga ciri itulah maka pena para ulama berselang paling dan idea-idea mereka seolah-olah tidak pernah kering malah terus mengalir di hujung pena masing-masing. Sejak itu ratusan ribu karya/kitab agama telah dihasilkan oleh para ulama dari rantau Asia Barat dan Asia Tenggara. Budaya berkarya ini dicontohi oleh ulama Melayu Nusantara sejak mereka menerima Islam hinggalah ke hari ini. Pihak pemerintah sama ada di Perlak, Samudera-Pasai, Melaka, Aceh, Brunei Darussalam, Riau dan negeri-negeri lain di kawasan Nusantara sentiasa memberikan galakan dan kemudahan kepada para ulama<sup>6</sup> menulis dan menyebarkan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> `Ulamā` (tunggal: `ālim), memberi maksud “orang yang berilmu” atau ahli di dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Tetapi bagi orang Melayu kata *jama`*, `ulamā` bagi maksud tunggal, `ālim, iaitu suatu cara penggunaan yang salah dari segi bahasa. Di dalam al-Qur`ān perkataan `ulamā` disebut hanya dua kali sahaja, sekali dalam Surah al-Syu`arā` (26): 197 yang bermaksud, “Dan adalah tidak cukup menjadi bukti bagi mereka bahawa para ulama Bani Israil mengetahuinya”. Ayat kedua dalam Surah Fātir, ayat 28 yang bermaksud, “Sesungguhnya orang yang takut kepada Allah daripada hambaNya ialah para `ulamā”.

<sup>7</sup> Mengenai kegiatan penulisan kitab-kitab agama dalam bentuk manuskrip Melayu-Jawi, sila lihat Mahayudin Hj Yahaya. (2006). “Manuskrip Jawi: Sejarah, Peranan dan Fungsinya Berdasarkan Koleksi Manuskrip Jawi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiyah” (*The Jawi Manuscript: Its History, Role and Function Based On The Jawi Manuscript Collection In The Sultan Haji Hassanal*

Di dalam masyarakat Melayu, para ulama merupakan golongan penting kerana mereka merupakan pakar dalam bidang agama seperti fikah, hadith, tafsir, usuluddin dan sebagainya. Para ulama sering dijadikan sebagai penasihat sultan dalam urusan keagamaan. Ketua ulama dipanggil Mufti atau *Sheikh al-Islam*. Mereka bertanggungjawab mengeluarkan fatwa mengenai masalah-masalah agama dan menasihati serta membetulkan dasar pemerintahan negara Islam mengikut ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan sebab itu para Khalifah/Sultan pada suatu ketika dahulu telah dikelilingi oleh para ulama yang berfungsi sebagai penasihat. Para ulama telah memberikan sumbangan yang begitu besar dalam menghasilkan manuskrip Melayu-Jawi/kitaab mengenai ilmu-ilmu agama. Pengenalan tulisan Jawi dan manuskrip Jawi telah menyumbangkan perkembangan mental masyarakat Melayu dan sekali gus telah membawa kepada perkembangan ilmu-ilmu agama seperti ilmu tauhid, ilmu fikah, dan ilmu tasawuf.

Pendidikan Islam di Nusantara dilakukan secara berperingkat. Pada peringkat awal dilakukan oleh tenaga-tenaga pengajar dari luar, khususnya dari negeri Arab dan Parsi. Hanya pada abad ke-16 dan ke-17, peranan pendidikan mula diambilalih oleh tokoh-tokoh ulama tempatan. Proses pendidikan berlaku secara beransur-ansur dan dilaksanakan secara hikmah dan bijaksana, selari dengan proses Islamisasi.

Islamisasi telah membawa perubahan yang besar dalam sistem pendidikan di Nusantara. Dikatakan terdapat banyak persamaannya dengan sistem pendidikan Islam di

---

*Bolkiah Islamic Exhibition Gallery*). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, ms. 21-50.

Asia Barat, di mana pihak istana telah memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan Islam. Di dalam kajian ini kita memilih tiga buah negeri yang dijadikan contoh kecemerlangan sejarah pendidikan Islam di Alam Melayu, iaitu Melaka, Aceh dan Brunei Darussalam. Ketiga-tiga wilayah Melayu Islam ini telah menempa sejarah kegemilangan dalam sistem pendidikan dan penyebaran ilmu-ilmu Islam di rantau ini.

## **PENDIDIKAN ISLAM DI MELAKA**

Pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, pendidikan Islam mendapat perhatian serius daripada pihak istana. Istana pada ketika itu bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran negeri, malah sebagai pusat pendidikan. Istana juga dijadikan perpustakaan atau pusat terjemahan dan penyalinan kitab-kitab agama. Kitab-kitab agama yang berbentuk tauhid, fikah, dan tasawuf seperti kitab *al-Durr al-Manzūm* karangan Abu Ishaq al-Shirazi dan kitab *Ihyā` Ulūm al-Dīn* karangan Imam al-Ghazali, dan kitab *Minhaj al-Ṭālibīn* oleh al-Nawawi telah disimpan di istana Melaka dan ajarannya tersebar luas di seluruh pelusuk Asia Tenggara. Peranan istana dalam bidang pendidikan boleh disamakan dengan peranan istana pada zaman Bani Umayyah dan Abbasiyyah. Selain istana, rumah ulama, madrasah, surau, dan masjid menjadi pusat pengajian penting di Nusantara.

Sejak kedatangan Islam masyarakat Melayu Melaka mempunyai sistem pendidikan yang teratur serta berbahasa dan berbudaya Islam sehingga menjadikan bahasa dan bangsa Melayu beridentiti dan dihormati di peringkat serantau dan antarabangsa. Pada zaman Islam jugalah, iaitu sejak abad ke-15 Melaka muncul sebagai Negara Melayu Islam yang terkuat di rantau Asia Tenggara dan sekali gus menjadi pusat pendidikan Islam terkenal di rantau ini.

Mengenai guru-guru agama di Melaka, kebanyakannya terdiri daripada bangsa Arab dan Parsi. Antaranya ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Kadi Yusuf, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Johan, Kadi Munawwar Abu Ishaq, dan lain-lain<sup>8</sup>. Mereka ini mendapat kedudukan yang istimewa pada zaman Kerajaan Melayu Melaka. Di antara murid-murid yang menghadiri kelas-kelas agama yang mereka adakan termasuklah pihak pemerintah. Sebagai contoh, Sultan Mahmud Shah mengunjungi rumah Kadi Yusuf dan Sadar Johan untuk mempelajari kitab-kitab agama. Selain penduduk tempatan, terdapat juga murid-murid dari luar negeri datang ke Melaka untuk belajar agama, termasuk dari Jawa. Di antara tokoh-tokoh agama Jawa yang datang belajar di Melaka ialah Radin Maulana Makhdum Ibrahim yang kemudiannya dikenali sebagai Sunan Bonang (1465-1525) dan Radin Paku atau dikenali juga sebagai Prabu Satmata atau Sultan Abdul Fakih yang kemudiannya dikenali sebagai Sunan Giri.<sup>9</sup>

Di Melaka pernah berlaku siri polemik tentang agama yang bersabit dengan analisis beberapa aspek tasawuf serta perbincangan tentang mazhab-mazhab dalam Islam, juga pentafsiran kandungan kitab agama *Durr al-Manzūm* karangan Abu Ishaq al-Shirazi antara Melaka dan Pasai.

---

<sup>8</sup> Senarai nama tokoh-tokoh ulama penting Nusantara dinyatakan dalam Mahayudin Hj Yahaya (2006). *Manuskrip Jawi: Sejarah, Peranan dan Fungsinya Berdasarkan Koleksi Manuskrip Jawi Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. ms. 44.

<sup>9</sup> Mahayudin Hj Yahaya & Muhammad Jelani Halimi., (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, ms. 588.

Selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka ke tangan tentera Portugis (1511), pusat pemerintahan Islam telah beralih ke Aceh. Aceh bukan sahaja mengambil alih peranan Melaka sebagai pusat pentadbiran politik, malah sebagai pusat pengajian dan pendidikan Islam. Kemuncak kegemilangan Aceh dari segi pendidikan ialah pada abad ke-17M. hingga ketibaan penjajahan Belanda pada abad ke-18M.

## PENDIDIKAN ISLAM DI ACEH

Institusi pendidikan di Aceh telah diatur dengan begitu rupa menerusi suatu perancangan yang teratur dan teliti oleh pihak pemerintah. Pada abad ke-17 sistem pendidikan Islam di Aceh telah berkembang dengan pesatnya dan ia dilaksanakan secara bertahap. Tahap pertama dan yang paling bawah dipanggil *Meunasah* (madrasah), iaitu tahap permulaan, sama seperti pengajian *kuttāb* di Asia Barat. di mana kanak-kanak diajar asas-asas agama. Murid diajar membaca al-Qur'ān dan menulis Arab. Mereka diajar mata pelajaran tajwid dan diajar melakukan ibadat seperti solat dan puasa. Selain itu mereka juga diajar nasyid. Setelah khatam al-Qur'ān mereka diajar beberapa buah kitab agama seperti *Risālah Masā'il al-Muhtadin* dan *kitāb Perukunan*. Sejarah diajar dengan cara bercerita.<sup>10</sup>

Tahap kedua dipanggil *Rangkang*. Rangkang boleh disamakan dengan Sekolah Menengah Rendah. Di sini pelajar diajar bahasa Arab, fikah, tauhid, dan tasawuf. Mereka diajar juga ilmu tajwid, tafsir al-Qur'ān, dan hadith. Buku yang digunakan ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab. Ilmu-ilmu umum seperti geografi, sejarah, dan matematik turut diajarkan.

---

<sup>10</sup>A. Hasjmy. (1983). *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta: Penerbit Benua, ms. 193-194.



Tahap ketiga dipanggil *dāyah*<sup>11</sup>. Dayah boleh disamakan dengan Sekolah Menengah Atas. Hampir setiap daerah terdapat dayah. Kesemua mata pelajaran di Dayah diajar dalam bahasa Arab dengan menggunakan kitab-kitab Arab. Di antara mata pelajaran yang diajar ialah fikah mu'amalat, tauhid, tasawuf/akhlak, geografi, sejarah, ilmu tatanegara, dan bahasa Arab.

Setelah tamat pengajian di Dayah mereka akan memasuki pusat pengajian tinggi atau universiti yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) yang diberi nama Jami'ah Baitul Rahman. Universiti ini ditempatkan di Masjid Jami' Baitul Rahman, sama sepertimana pusat pengajian tinggi al-Azhar yang ditempatkan di Masjid Jami' al-Azhar Kaherah, pusat pengajian tinggi al-Mansur ditempatkan di Masjid Jami' al-Mansur di Baghdad, dan pusat pengajian tinggi al-Umawwi ditempatkan di Masjid Jami' al-Umawi di Damsyik pada satu ketika dahulu.

Menurut Prof A. Hasjmy, di Universiti Jami' Baitul Rahman terdapat 17 buah fakulti (*dār*) di mana mata pelajaran yang diajar bukan sahaja tertumpu pada bidang keagamaan seperti tauhid, fikah, dan tasawuf, tetapi juga bidang umum (bukan agama) seperti kimia, geografi, sejarah, politik, pertanian, kewangan dan perlombongan.<sup>12</sup> Menurut A. Hasjmy lagi, pada zaman Sultanah Safiatuddin Johan Berdaulat (1641-1675) sistem pendidikan di Baitul Rahman semakin bertambah maju. Banyak cawangan didirikan di seluruh Aceh. Sultanah Safiatuddin telah memberikan galakan dan membiayai para ulama dan tenaga pengajar di Universiti Baitul Rahman mengarang dan

<sup>11</sup> *Dayah* juga memberi maksud "pondok" (di Malaysia), "Pesantren" (di Jawa), atau "Balai" (di Brunei Darussalam).

<sup>12</sup> A. Hasjmy. *op.cit.* ms. 193-194.

menyebarkan karya masing-masing. Baginda sendiri merupakan salah seorang pelajar yang dikatakan mampu menguasai beberapa bahasa termasuk bahasa Arab, Parsi, dan Urdu. Baginda telah berguru dengan ramai ulama yang terkenal, di antaranya Hamzah al-Fansuri, Nur al-Din al-Raniri, Seri Fakih Zainal Abidin bin Daim Mansur, dan ramai lagi.<sup>13</sup>

Mengenai para guru dan ulama di Aceh, sebilangannya adalah terdiri daripada orang asing, khususnya dari negeri Arab dan India. Misalnya, ulama yang berasal dari negeri Arab (Makkah) ialah Abu al-Khayr bin Hajar dan Muhammad Yamani, yang berasal dari Gujarat (India) ialah Muhammad Jaylani bin Hasanji bin Muhammad Hamid. Kedudukan ulama Aceh pada masa itu sangat tinggi, hingga ada di antara mereka bertindak sebagai “Wakil Sultan” sebelum perlantikan sultan yang baharu. Para pelajarnya ada yang datang dari Melaka, Fatani, dan sebagainya.

Pada zaman kegemilangan Aceh, pendidikan Islam tersebar melalui pusat-pusat pengajian lain seperti di Brunei, Jawa, Banjar, Riau, Pattani, Terengganu, Kelantan, dan lain-lain.

## **PENGARUH PENDIDIKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sewaktu Islam tersebar dan berkembang dengan meluas di Sumatera berikutan ketibaan para ulama Ahli Sunnah Waljama‘ah pada abad ke-13M maka ramai daripada para pendakwah dan penduduk Sumatera berkunjung ke Brunei bagi menyebarkan Islam di negeri ini. Kesan daripada itu maka Sultan Brunei pertama, Alak Betatar, telah memeluk

---

<sup>13</sup> Hasjmy.A (1975). *Meukyta Alam*. Jakarta: Bulan Bintang, ms. 95.

agama Islam dan digelar Paduka Seri Sultan Muhammad Shah.<sup>14</sup> Sistem pendidikan Islam dilaksanakan mengikut sistem pendidikan Islam di Aceh, iaitu tiada pemisahan secara mutlak antara ilmu agama dan ilmu bukan agama.

Pada zaman British sistem pendidikan Islam di Brunei telah berubah kepada sistem “Balai”,<sup>15</sup> di mana ilmu-ilmu agama sahaja yang diajar, sementara ilmu bukan agama seperti matematik, sains, geografi, dan sebagainya diajar di sekolah-sekolah Inggeris. Sistem pendidikan Balai terus dilaksanakan di sepanjang pemerintahan British bermula dari tahun 1877 hingga pendudukan tentera Jepun (1942). Dalam tempoh tersebut peluang pekerjaan di sektor awam bagi lepasan Balai hampir tertutup disebabkan mata pelajaran yang diajar tidak relevan dengan keperluan pentadbiran negara pada masa itu. Namun begitu, dengan adanya pendidikan Balai menyebabkan pendidikan agama terus kekal dan telah memberikan sumbangan yang begitu besar kepada masyarakat Islam. Pendidikan Balai telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama yang berkhidmat sebagai kadi, imam, dan guru agama. Lebih penting lagi, menerusi pendidikan Balai telah melahirkan pejuang-pejuang tanah air bagi menentang penjajahan dan fahaman sekular yang dibawa oleh penjajahan British.

---

<sup>14</sup>Pearn.B.R., *An Introduction to the History of South-East Asia*, Wing King Tong, Co.Ltd, Hongkong, 1963, ms. 148; Wan Husain bin Wan Abdul Qadir (t.t.).*al-Da`wah al-Islamiyyah fi Janub Sharq Asia Mundhu Zuhuriha ila al-Asr al-Hadir*, Tesis Ph.D, Universiti al-Azhar, Kaherah, Jilid 1, ms. 250.

<sup>15</sup>Perkataan “Balai” sama seperti “Pondok” di Malaysia, atau “Pesantren” di Jawa, atau “Dayah” di Sumatera, iaitu sebuah institusi pendidikan tradisional di mana diadakan pengajian agama yang dilakukan secara “halaqah” di mana guru mengajar dan dikelilingi oleh murid. Mata pelajaran yang diajar berfokus pada ilmu-ilmu agama seperti tafsir, hadith, fikah dan tauhid.

## BIBLIOGRAFI

Abd Karim H.A.B. *Berita Brunei Tahun 38 Bil. 6.*

\_\_\_\_\_, *Pelita Brunei*, 10hb Februari 1993.

Awg. Haji Muhd. Hadi bin Abdullah. Ogos 1997/Rabi`ulakhir 1418 *Al-Hadaf*. Tahun 1 Bilangan 2. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan.

*Buku Kenangan Berpuspa.* (1968). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.

*Fatwa bilangan 44 tahun 1982.*

Fatwa Bilangan Berturut 42 Tahun 1971.

Fatwa Bilangan Berturut-turut Bilangan (66) Tahun 1988.

Hajah Rasinah binti Haji Ahim. (2001). *Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Sei Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz di Brunei Darussalam.* Tesis M.A. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.

Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud. (2004). *Perkembangan Persekolahan Agama Di Negara Brunei Darussalam Dari Tahun 1956-1984 Masihi.* Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Awang Asbol bin Haji Mail. (2010). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950-1985.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan.

[http://www.artgallery.com.bn/National\\_day/?\\_id=289](http://www.artgallery.com.bn/National_day/?_id=289).

<http://www.religious-affairs.gov.bn>.

Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin. 1987. *Majalah Al-Huda*. Bil. 45. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah.

*Pendidikan Agama Di Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pengajian Islam, Kmenterian Hal Ehwal Ugama.

*Pendidikan Ugama Di Negara Brunei Darussalam*. 1996. Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. *Fajar Islam di Borneo*. 1436/2015. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Pengiran Dr Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. 2011. "Penubuhan Persekolahan Ugama Moden Bersistem Di Zaman Pemerintahan Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien: Asas kecemerlangan Islam Di Brunei Darussalam". Dalam buku *Merealisasikan Asperasi Negara Dalam Pembangunan Ummah*, buku keluaran Khas Sempena Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Bandar Seri Begawan: KUPU SB.

Penyata Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Brunei. 1956-1958. T.h.

Penyata Sekolah-Sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1956-1958.

*Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam, Wawasan Brunei 2035, Rangka Strategi dan Dasar Bagi Pembangunan (OSPD) 2007-2017 dan Rancangan Kemajuan Negara (PKN) 2007-2012.*

Pg Haji Mohammad Pg Haji Abd Rahman. 1991. *Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British dengan Tumpuan Khas Ke atas Brunei Darussalam (Abad 13-20 Masihi)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

SCRWO 11/55, Penyata Lawatan Pegawai-Pegawai Ugama Johor ke Sekolah-Sekolah Melayu dan Ugama Negeri Brunei pada tahun 1955, 12 Jamadilakhir 1374 bersamaan 5 Februari 1955.

SCRWO 11/55, Penyata Lawatan Pegawai-Pegawai Ugama Johor ke Sekolah-Sekolah Melayu dan Ugama Negeri Brunei pada tahun 1955, 12 Jamadilakhir 1374 bersamaan 5 Februari 1955.

Temubual dengan Dr Hajah Nurul Huda binti Datu Seri Maharaja Dato Seri Setia Utama Dr Haji Awang Ismail dan Ustaz Haji Abdul Kadir bin Mohammad pada 09 Mac 2015 jam 2.30 petang di Pejabat Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Titah al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ketika Majlis Perletakan Batu Asas SUAMPRI PAD pada 13 Jun 1966.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 2009.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1427 1 Muharram 1427 bersamaan 30 Januari 2006.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Mesyuarat Khas Majlis Bencana Kebangsaan pada 12 Julai 2009.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat KUPU SB pada 26 Januari 2010.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibn Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari Khamis 25 Rabiulawal 1431/11 Mac 2010.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibn Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Guru kali ke-22 bagi tahun 2012 pada 24 September 2012.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam Tahun 1430 Hijrah/2009 Masihi pada 12 Rabiulawal 1430/9 Mac 2009.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Hafl al-Takharruj Pertama UNISSA pada 3 November 2011.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari Khamis, 25 Rabiulawal 1431/11 Mac 2010.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-46 Tahun pada 15 Julai 1992.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, 1958-1967, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.



*Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413: Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz*, Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 1999/1420.



Yahya Ibrahim. 1996. *Pendidikan Agama Di Negara Brunei Darussalam*: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Dimulihkan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, *Sejarah Hidup Yang Dimulihkan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz*, t. t. t. t. t. t. t.

Lampiran



دالمان جانن الله  
 بارغار توفيق دان دسوكوخ اوله توهن يثامة قواة دان  
 مليا اكن كيت سكلين فد ميماركن اكان دان مننجوقكن  
 كيت اكن جانن ۲ بخلبه ايلوق فد فرجواغن كيت والسلام  
 اسماعيل عمر عبدالعزیز  
 فخلولا ورت جباتن اكام جوهر  
 بریت عالم اسلام  
 فیلم نبی داود دھرامکن دسراوق  
 لاكي ۲ « (اوتو  
 ستياوسها علماء  
 كفوتسن يغب معتمه  
 مجلس علماء  
 اتو وانيتا تياك بو  
 مشارة فكري،  
 يخبير ثابية دغن فر  
 فتوا ايت دك  
 ولوا امرهم امرأة

Qualifications -  
 24 by imp. diploma  
 26 by degree  
 27 by diploma  
 28 by diploma  
 29 by diploma

**RECORD OF SERVICE AND LEAVE.**

(P. 1)

OFFICER'S NAME S. S. SINGH DATE OF BIRTH 1912

DATE OF FIRST APPOINTMENT 1938 April 1949

Entry	Date	Appointment	Class or Grade	Pensionable Non-Pensionable or Paid from Open Vote	Annual Salary	Rates of Leave	PERIOD OF LEAVE			Remarks
							Years	Months	Days	
	19.4.49	Patrolman			1500					

Copied Service No. 25

J&N. 776 of 29.9.49

No. ----, His Highness the Sultan has been pleased to appoint Tuan Haji Ismail bin Omar as Religious Officer, Johore, with effect from 19th April, 1949. ( E.S.J. 1760/48 )

RECORD OF SERVICE AND LEAVE.

OFFICER'S NAME *Jamil Omar bin A. O. S. J.*  
 DATE OF FIRST APPOINTMENT *1 June 1930.*

Authority.	Date.	APPOINTMENT.	Class or Grade.	Pensionable, Non-pensionable, or paid from Open Vote.	Annual Salary.	Nature of Leave.	PERIOD OF LEAVE.						
							Years.	Months.	Days.	From.	To.		
	1.6.1936	<i>Koran Teacher</i>			150 00								
	1-1-1937				210 00								
	1-1-1940				270 00								
	1-1-1946				360 00								
	<i>p.c. 586/7</i>												
<i>offic notes</i>	5.1.36	<i>Religious Teacher</i>	<i>2</i>		360 -								
	1.2.37				584 -								
	1.1.38				408 -								

Officer's name: *Hajid. Said bin Abdul Basim*  
 Date of br. Appr. *5th Jan. 1936*